



SUKJ.683/2

**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.1 TAHUN 1989**

GELARAN RASMI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA TUANKU

Adalah dimaklumkan iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam persidangannya pada 6.6.1989 telah bersetuju menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku bagaimana yang terkandung dalam Perancangan Dalam yang diperbuat oleh Jumaah Majlis DiRaja pada 29.5.1989 akan gelaran-gelaran Baginda seperti dibawah ini: -

1. GELARAN RASMI KEBAWAH DULI TUANKU:

1.1. Gelaran rami penuh Kebawah Duli Tuanku ialah: -

**“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Iskandar
Ibni Almarhum Sultan Ismail, Sultan Yang DiPertuan Bagi
Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim”.**

Gelaran rasmi penuh ini digunakan apabila menyembahkan ucapan dalam Majlis Istiadat Kerajaan seperti sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan Baginda dan boleh digunakan untuk persembahan rasmi secara bersurat atau pada kad-kad jemputan untuk Istiadat DiRaja atau Isdiadat Kerajaan.

1.2. Gelaran rasmi ini boleh diringkaskan kepada: -

**“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan
Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan
Takluk Johor Darul Ta’zim”.**

Gelaran ini digunakan untuk Majlis-majlis rasmi Kerajaan dan juga untuk kad-kad jemputan rasmi Kerajaan.

1.3. Seterusnya gelaran ini boleh diringkaskan kepada: -

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor”

Gelaran ini digunakan untuk Majlis-majlis rasmi yang diadakan diluar negeri Johor atau yang dihadiri oleh Raja-raja lain, atau tulisan dalam akhbar atau buku.

- 1.4. Bagi sebutan apabila mengadap Baginda untuk persembahan ucapan atau bersurat bagi kali yang pertama atau pembukaan adalah seperti berikut: -

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku”

dan bagi sebutan seterusnya ialah: -

“Kebawah Duli Tuanku”

- 1.5. Gelaran dan sebutan rasmi dalam bahasa Inggeris ialah: -

“His Majesty The King of Johor”

2. **GELARAN RASMI DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA SULTANAH:**

- 2.1. Gelaran rasmi penuh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah ialah: -

“Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah Zanariah bte Tunku Ahmad, Sultanah Johor”.

- 2.2. Gelaran rasmi ringkas ialah: -

“Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah Zanariah, Sultanah Johor”.

atau

“Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah Johor”

Peraturan penggunaan gelaran-gelaran ini adalah sama sebagaimana penggunaan gelaran Kebawah Duli Tuanku.

- 2.3. Bagi sebutan ringkas semasa mengadap menyembah ucapan atau bersurat bagi kali yang pertama atau permulaan di sebut seperti berikut: -

“Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah”.

dan sebutan seterusnya ialah: -

“Tuanku Sultanah”.

- 2.4. Gelaran dalam Inggeris ialah: -

“Her Majesty The Queen Of Johor”.

3. **GELARAN RASMI DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA.**

- 3.1. Gelaran rasmi penuh Duli Yang Mulia Tunku Mahkota ialah: -

“Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar, Tunku Mahkota Johor”.

- 3.2. Gelaran rasmi secara ringkasnya ialah: -
- “Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail, Tunku Mahkota Johor”.**
- dan sebutan ringkas ialah: -
- “Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor”.**
- 3.3. Dalam bahasa Inggeris gelaran Baginda ialah: -
- “His Royal Highness The Crown Prince of Johor”.**
4. 4.1. Gelaran rasmi Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofia bte Almarhum Sultan Idris Shah tidak berubah dan di dalam bahasa Inggerisnya ialah: -
- “Her Royal Highness The Crown Princess of Johor”.**
5. Majlis Mesyuarat Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya ejaan-ejaan rasmi berikut hendaklah digunakan: -
- 5.1. Bagi kerabat-kerabat DiRaja Johor yang damping, ejaan ialah **“TUNKU”**, bukan **“TENGGU”**.
- 5.2. Ejaan gelaran bagi Ahli-ahli (Lelaki) Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia dan Darjah Sultan Ismail Yang Amat DiBerkati Pangkat Pertama dan Pangkat Kedua ialah **“Yang Berhormat Dato’”** (bukan **“DATUK”**).
- 5.3. Ejaan bagi Negeri Johor ialah **“JOHOR”** bukan **“JOHORE”**.
6. Gelaran-gelaran dan ejaan-ejaan tersebut adalah berkuatkuasa serta merta dan hendaklah digunakan dalam semua Istiadat-Istiadat, acara-acara rasmi, tulisan-tulisan dan persembahan Kerajaan dan rakyat Negeri Johor Darul Ta’zim, serta juga oleh akhbat-akhbar dan orang-orang awam.

(DATO’ HAJI ABDUL RAHIM BIN RAMLI)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR.

Bertarikh 25 Jun 1989.

- s.k. - Ketua Setiausaha Negara,
(Bahagian Istiadat)
Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Y.Bhg.Datuk Paduka Maharaja Lela,
Istana Negara, Kuala Lumpur.